



# Majlis Perbandaran Seremban

## LAPORAN TAHUNAN Unit Audit Dalam

2013



## **PERANAN UNIT AUDIT DALAM**

Unit Audit Dalam Majlis Perbandaran Seremban telah diwujudkan pada pertengahan tahun 2010 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2004. Jenis pengauditan yang dijalankan adalah Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pentadbiran, Pengauditan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S dan Pengauditan Pengurusan MS ISO 9001:2008.

Peranan utama Unit Audit Dalam adalah seperti berikut:

- i) Memeriksa, menganalisis dan melaporkan prestasi jabatan berasaskan kepada:
  - Pengurusan Sumber Manusia
  - Pengurusan Sumber Kewangan
  - Pengurusan Sumber Material & Peralatan Sokongan
  - Pentadbiran Am dan merialisasikan peraturan.
- ii) Pemeriksaan kawalan hasil dan penjagaan wang awam.
- iii) Pemeriksaan kawalan dan pembayaran serta penggunaan wang awam.
- iv) Membuat pemeriksaan mengejut.
- v) Pengauditan ke atas semua prosedur yang dipersijilkan MS ISO 9001:2008.
- vi) Pengauditan Amalan Persekutaran Berkualiti 5 S



## **RINGKASAN AKTIVITI PENGAUDITAN**

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti / program audit</b>
1	Pengauditan Susulan Star Rating
2	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut Pengurusan Kewangan
3	Pengauditan Susulan Pemeriksaan Mengejut Pengurusan Kewangan
4	Pengauditan Susulan Inspektorat Keselamatan Perlindungan
5	Pengauditan Pengurusan Kewangan Majlis Perbandaran Seremban ( <i>SELF AUDITING</i> )
6	Pengauditan MS ISO 9001:2008
7	Pengauditan Susulan MS ISO 9001:2008
8	Pengauditan Fail Meja & MPK
9	Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)
10	Pengauditan Susulan Kajian Pengurusan Landskap
11	Pengauditan Daftar Bil (Setiap 3 Bulan)
12	Pengauditan Amalan 5S (Setiap 3 Bulan)



**Susulan Pemeriksaan Mengejut Pengurusan Kewangan**

<b>BIL</b>	<b>PENEMUAN AUDIT</b>	<b>KEDUDUKAN SEMASA</b>
<b>C</b>	<p><b>BUKU TUNAI TERIMAAN</b></p> <p>Semakan audit mendapati Buku Ringkasan Kutipan masih tidak lengkap dengan tidak menyatakan tarikh.</p> <p>Ketua Unit hendaklah setiap hari memantau dan memastikan Safeguards menulis tarikh pada buku kutipan tersebut semasa penyerahan wang dibuat. Jika Ketua Unit tiada pada hari tersebut, tugas hendaklah diberi kepada pegawai pengganti yang dilantik.</p> <p>Semakan audit ke atas Buku Terimaan Tunai mendapati terdapat perbezaan jumlah hasil yang dicatatkan di Buku Terimaan Tunai seperti berikut:</p> <p>i) Kupon RM1 bagi 1000 kupon (10 buku) yang dibeli oleh Syarikat City Liner diresitkan dengan harga RM 630. (No resit: 207396, tarikh: 16 Januari 2013)</p> <p>Pengiraan audit:RM1 x 1000=RM1,000 Pengiraan T1:RM1 x 1000=RM630 <b>Perbezaan:RM370</b> <b>Peratus:37%</b></p> <p>ii) Kupon RM2 bagi 200 kupon (2 buku) yang dibeli oleh Syarikat Southern Omnibus diresitkan dengan harga RM 306.60. (No resit: 207395, tarikh: 16 Januari 2013)</p> <p>Pengiraan audit:RM2 x 200=RM400 Pengiraan T1: RM2 x 200=RM306.60 <b>Perbezaan:RM93.40</b> <b>Peratus:30%</b></p>	<p>Safeguard telah meletakkan tarikh pada Buku Ringkasan Kutipan setiap kali mengambil kutipan.</p> <p>Unit Pengurusan Terminal 1 masih lagi menerima bayaran pembelian kupon dengan kadar yang sama ke atas Syarikat Cityliner dan memberikan 37% diskaun kepada mereka.</p> <p>Unit Pengurusan Terminal 1 masih lagi menerima bayaran pembelian kupon dengan kadar yang sama ke atas Syarikat Southern Omnibus dan memberikan 30% diskaun kepada mereka.</p>



<p>iii) Kupon RM5 bagi 3000 kupon (30buku) yang dibeli oleh Syarikat Mega Syuhada diresitkan dengan harga RM9,450. (No resit: 207394, tarikh: 11 Januari 2013)</p> <p>Pengiraan audit:RM5 x 3000=RM15,000 Pengiraan T1: RM5 x 3000=RM9,450 <b>Perbezaan:RM5,550</b> <b>Peratus:37%</b></p> <p>iv) Kupon RM2 bagi 100 kupon (1 buku) yang dibeli oleh Syarikat North South Speed (bas A-CLASS) di resitkan dengan harga RM 153.30. (No resit: 207399, tarikh: 18 Januari 2013)</p> <p>Pengiraan audit:RM2 x 100=RM200 Pengiraan T1: RM2 x 100=RM153.30 <b>Perbezaan:RM46.70</b> <b>Peratus:23%</b></p> <p>Pada tarikh semakan, audit mendapati permit perkhidmatan yang dikeluarkan untuk bas tersebut di atas adalah permit bas Ekspres iaitu caj yang seharusnya dikenakan adalah sebanyak RM5. Audit juga mendapati tiada perjanjian yang telah dikeluarkan dan tiada bayaran deposit dikenakan.</p> <p><b>DOKUMEN PERJANJIAN PENYEWAAN</b></p> <p>Semakan selanjutnya telah dijalankan ke atas perjanjian sewa dan deposit penyewa. Pemerhatian audit adalah seperti berikut:</p>	<p>Unit Pengurusan Terminal 1 masih lagi menerima bayaran pembelian kupon dengan kadar yang sama ke atas Syarikat Mega Shuhada dan memberikan 37% diskaun kepada mereka.</p> <p>Unit Pengurusan Terminal 1 mengenakan caj sebanyak RM2.00 kepada Syarikat North South Speed (bas A-Class) berdasarkan permit laluan bas henti-henti yang diluluskan oleh pihak SPAD walaupun syrikat bas tersebut merupakan bas ekspress yang seharusnya dikenakan caj sebanyak RM5.00 Unit Pengurusan Terminal 1 masih lagi menerima bayaran pembelian kupon dengan kadar yang sama ke atas Syarikat North South Speed dan memberikan 23% diskaun kepada mereka.</p>
--	---



**i) Perjanjian sewa**

Pemerhatian	Bil.
Jumlah Lot sedia ada	70 _____
Jumlah Lot yang tidak disewa	4 _____
Jumlah Lot yang disewa (aktif)	(a) 66 _____
Jumlah penyewa Billboard dan Jukebox	(b) 6 _____
<b>Jumlah penyewa</b>	<b>(a)+(b) 72</b>

Berikut adalah pemerhatian bagi lot yang disewa (aktif) dan penyewa Billboard dan Jukebox (**66+6 = 72 penyewa**)

Pemerhatian	Bil.
Jumlah Lot sedia ada	80 _____
Jumlah Lot yang tidak disewa	9 _____
Jumlah Lot yang disewa (aktif)	(a) 71 _____
Jumlah penyewa Billboard dan Jukebox	(b) 5 _____
<b>Jumlah penyewa</b>	<b>(a)+(b) 76</b>

Pemerhatian	Bil.
Mempunyai perjanjian yang lengkap	5
Mempunyai perjanjian tetapi tidak diperbaharui	42
Mempunyai perjanjian tetapi tidak lengkap	12
Mempunyai perjanjian tetapi tidak ditandatangan	5
Tidak mempunyai perjanjian	8
<b>Jumlah</b>	<b>72</b>

Pemerhatian	Bil.
Mempunyai perjanjian yang lengkap	31
Mempunyai perjanjian tetapi tidak diperbaharui	0
Mempunyai perjanjian tetapi tidak lengkap	20
Mempunyai perjanjian tetapi tidak ditandatangan	21
Tidak mempunyai perjanjian	4
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>



<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PENUH</b>	
<p>Berdasarkan minit mesyuarat Majlis Penuh MPS Bil. 1/2013 yang bersidang pada 15 Februari 2013, mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Majlis telah menyerahkan perjanjian kepada penyewa-penyewa. Setakat 31.12.2012, seramai 50 penyewa telah menandatangani perjanjian tersebut.</p> <p>Hasil semakan audit mendapati sebanyak 59 perjanjian telah ditandatangani. Walaubagaimanapun, hanya 5 perjanjian didapati lengkap, manakala 42 daripada semua perjanjian tersebut masih belum diperbaharui sehingga ke tarikh semakan dan selebihnya adalah tidak lengkap.</p> <p>Pembentangan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh berkenaan 50 penyewa telah menandatangani perjanjian adalah tidak tepat kerana perjanjian-perjanjian tersebut didapati tidak lengkap, tidak diperbaharui dan sebagainya.</p>	<p>Daripada jumlah 76 bilangan penyewa, seramai 31 penyewa telah mempunyai perjanjian penyewaan yang lengkap, 20 mempunyai perjanjian penyewaan tetapi tidak lengkap, 21 mempunyai perjanjian tetapi tidak ditandatangani manakala 4 penyewa pula tidak mempunyai perjanjian penyewaan.</p>
<p>ii) Deposit</p> <p>Semakan ke atas deposit penyewa telah dilakukan dengan menyemak Sistem LogIns (MAPIS). Audit mendapati syarikat-syarikat tersebut seperti di bawah tidak membuat bayaran deposit.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Along Food Corner</li> <li>2. Gabungan Tiga Persatuan Teksi</li> <li>3. Maybank ATM</li> <li>4. Ekspress Senibudaya</li> <li>5. Bakawan Sdn. Bhd.</li> <li>6. Southern Omnibus</li> <li>7. SP Bumi Pantai</li> </ol> <p><b>Pembentangan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh berkenaan 50 penyewa telah menandatangani perjanjian adalah tidak tepat kerana perjanjian-perjanjian tersebut</b></p>	<p>Jabatan Undang-undang menasihatkan bagi mana-mana penyewa yang masih mempunyai tunggakan sewaan kepada Majlis, perjanjian penyewaan tidak boleh diperbaharui.</p> <p>Terdapat 4 penyewa yang tidak mempunyai perjanjian penyewaan tetapi masih menyewa di Terminal 1. Perjanjian akan disediakan pada tahun 2014 bagi penyewa-penyewa tersebut.</p> <p>Bayaran deposit akan dilaksanakan semasa proses menandatangani perjanjian penyewaan.</p>



<p><b>didadapati tidak lengkap, tidak diperbaharui dan sebagainya.</b></p> <p>Semakan audit mendapati masih tiada bukti baki fizikal dan baki pada buku daftar disemak dan ditandatangani.</p> <p><b>Tugas menyemak buku daftar hasil tersebut harus diberikan kepada Ketua Unit, bukan pegawai yang menyelenggara buku tersebut.</b></p>	<p style="text-align: right;">Selesai</p>
---	---



### **Pengauditan Daftar Bil**

<b>BIL</b>	<b>PENEMUAN AUDIT</b>	<b>KEDUDUKAN SEMASA</b>
1.	<p><b><u>Bayaran Melebihi 14 hari</u></b></p> <p>Semakan audit ke atas daftar bil daripada bulan Januari sehingga bulan Jun 2013 mendapat terdapat Jabatan yang masih tidak mencapai 95% (bayaran dalam masa 14 hari dari tarikh invois dicop terima ke tarikh cek diluluskan).</p> <p>Jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Jabatan Pentadbiran &amp; Personel</li> <li>2) Jabatan Pelesenan &amp; Pembersihan</li> <li>3) Jabatan Perancang Bandar</li> <li>4) Jabatan Kejuruteraan</li> <li>5) Jabatan Sukan, Rekreasi, Kebudayaan &amp; Warisan</li> <li>6) Jabatan Landskap &amp; Taman</li> <li>7) Jabatan Undang-Undang</li> <li>8) Unit Bengkel</li> </ul> <p><b>Syor audit:</b></p> <p><b>Jabatan yang terlibat hendaklah memastikan bayaran hendaklah dibuat dalam masa 14 hari.</b></p>	<p>Semakan audit ke atas daftar bil daripada bulan Oktober sehingga bulan Disember 2013 mendapat terdapat Jabatan yang masih tidak mencapai 95%.</p> <p>Jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Jabatan Pentadbiran &amp; Personel –Personel (<b>Nov</b>)</li> <li>2) Jabatan Kejuruteraan (<b>Okt - Dis</b>)</li> <li>3) Jabatan Landskap &amp; Taman (<b>Dis</b>)</li> <li>5) Jabatan Sukan, Rekreasi, Kebudayaan &amp; Warisan (<b>Okt&amp;Nov</b>)</li> <li>6) Jabatan Teknologi Maklumat (<b>Okt&amp;Nov</b>)</li> <li>7) Unit Bengkel (<b>Nov</b>)</li> </ul>